

11 OCT 2001

LIMA-HALIM MAZMIN

HALIM MAZMIN BERI BANTUAN KEPADA BEKAS TENTERA CEBURI AKUAKULTUR

LANGKAWI, 11 Okt (Bernama) -- Kumpulan syarikat Halim Mazmin, menerusi Langkawi Sea Farms Sdn Bhd, bercadang untuk memberikan panduan teknikal dan bantuan yang perlu kepada bekas-bekas tentera menceburi bidang akuakultur.

Cadangan itu termaktub dalam memorandum persefahaman (MoU) yang dimeterai antara Langkawi Sea, wakil bekas-bekas tentera dan Persatuan Nelayan Kawasan Kilim di Langkawi.

MoU itu dimeterai di hadapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Abdul Razak dan Menteri Pertanian Datuk Dr Mohd Effendi Norwawi di pinggiran Pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa (LIMA) 2001, di sini hari ini.

Menurut satu kenyataan yang dikeluarkan di acara itu, di bawah program itu, bekas-bekas tentera yang terpilih akan berpeluang mempelajari asas-asas dan teknik-teknik akuakultur seperti membiak, memberi makanan dan menangkap ikan dari sangkar-sangkar di laut terbuka. -- BERNAMA

MFZ KTC JR